

Ruj. Kami : ANM.PK.D/600-2/5 (41)

Tarikh : 14 Oktober 2020

Semua Ketua Jabatan Persekutuan /
Ketua Pusat Tanggungjawab

Tuan,

**EMEL NOTIFIKASI BAGI DOKUMEN ARAHAN PEMBAYARAN YANG MELIBATKAN
AKAUN TRANSIT JANM NEGERI PERAK UNTUK TUJUAN PENGELUARAN TUNAI –
AFFIN ISLAMIC BANK 106110003448 – KEMASKINI 14 OKTOBER 2020**

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas dan buletin ANM.PK.D/600-2/5(29) bertarikh 07 Februari 2020 adalah berkaitan.

2. Untuk makluman, bermula nombor EFT bertarikh 01.11.2020, dokumen yang perlu dikemukakan kepada bank untuk tujuan pengeluaran tunai adalah seperti di bawah :


JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI PERAK
Tingkat 5, Kompleks Majlis Perak
20000 Ipoh
Perak Darul Ridzuan
Tel: 05-26121111
Faks: 05-26121111
E-mel: akauntan@janm.gov.my

Rujukan Kami : XXXX-XXXX
Tarikh : XXXX/XXXX

Pengurus
Bank ABC
No. 123
Jalan ABC
XXXXX Ipoh
PERAK DARUL RIDZUAN

Tuan,
**KEBENARAN MENUNAIKAN AKAUN TRANSIT BAGI JABATAN AKAUNTAN NEGARA
MALAYSIA NEGERI PERAK**
Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dengan ini Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Perak memberi kebenaran menunaikan Akaun Transit Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Perak (BANK ABC XXXX-XXXX-XXXX) bagi EFT No. XXXXXXXXXXXXXXX bertarikh XXXX/XXXX. Butiran bayaran adalah seperti berikut:

a) Jabatan Pembayar : JABATAN XYZ
b) PTJ Pembayar : 123456
c) No. Baucar Bayaran : XXXXXX
d) Amaun : RM 270.00
e) Tarikh Penyata Bank : XXXX/XXXX

3. Kebenaran ini adalah TERHAD kepada transaksi ini sahaja dan tertakluk kepada Borang AK52 yang berkaitan telah dikemukakan kepada pihak bank.
Sekian, terima kasih.
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"Pertingkat Inovasi Terokal Transformasi Kuasai Globalisasi!"
b.p Pengarah
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Dokumen ini adalah keluaran komputer. Tandatangan secara manual tidak diperlukan.

Kebenaran diberi kepada
No. K/P untuk menunaikan
Cek No. XXXXXXXXXXXXXXX bagi pihak

.....
Tandatangan
(Pegawai Berkuasa / Cop Jabatan)

Empowering Your Service

3. Emel notifikasi bagi format baharu akan mula dihantar untuk dokumen bayaran yang mengandungi nombor EFT bermula pada 01.11.2020. Bagi dokumen bayaran yang mengandungi nombor EFT bertarikh 31.10.2020 dan sebelumnya, PTJ masih boleh menggunakan format lama (cetakan salinan baucar bayaran) seperti yang diemalkan sebelum ini.

4. Sekiranya PTJ tidak menerima emel notifikasi daripada JANM Perak selepas lima (5) hari daripada tarikh EFT, PTJ boleh menghubungi pegawai seperti di bawah :

- i) 05-246 2156 - Encik Ahmad Faidzal / Puan Noor Zafirah
- ii) 05-246 2153 - Puan Suhaidah / Puan Azimah

Sekian, terima kasih.

**UNIT PENGURUSAN DANA
JANM NEGERI PERAK**